







### AUDIT PEMERIKSAAN KESELAMATAN BANGUNAN (FIRE CERTIFICATE) | 6 DISEMBER 2023

Pihak perpustakaan telah berjaya memperbaharui Sijil Perakuan Bomba dan audit berkenaan telah dilaksanakan pada 6 Disember 2023 oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Pensijilan ini hanya dilaksanakan di bangunan Perpustakaan Sultan Badlishah sejak tahun 2015.










## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



# PROGRAM KOLABORASI



**MAJLIS PELANCARAN BUKU PUISI VOICE OF THE SOUL: A COMPILATION OF POEMS | 01 MAC 2023**






## PROGRAM ROAD TOUR AL-IKHSAN SPORTS SDN. BHD., EDUCATIONAL & CAREER TALK WITH AL-IKHSAN SPORTS SDN. BHD. | 14 JUN 2023

Program ini merupakan anjuran Unit Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN), Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK), Perpustakaan Sultan Badlishah, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama team CSR Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. Seramai 114 orang pelajar dari pelbagai fakulti telah menyertai program ini.

Objektif program adalah bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai perjalanan karier bersama syarikat Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. Selain itu, antara agenda utama program ini adalah sesi perkongsian ilmu dan pengalaman oleh CSR/HR Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. serta sesi penyampaian sumbangan kepada staf, pelajar dan komuniti yang terlibat.









**DISKUSI PERPADUAN: CHIT CHAT BELIA 2023 - "MAHASISWA : PENCETUS ATAU PEMUTUS" | 04 JULAI 2023**

Program ini merupakan anjuran JPNIN Negeri Kedah dengan kerjasama Sekretariat Rukun Negara UiTM Cawangan Kedah Sesi 2022/2023 dan Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.

Tujuan program ini dijalankan adalah untuk meningkatkan pemahaman, penghayatan serta pengalaman rukun negara dalam diri mahasiswa di mana ia menjadi satu medium saluran ilmu mengenai perpaduan negara serta memupuk etika dan nilai mahasiswa sebagai masyarakat yang berintegriti tinggi.















## PROGRAM SOKONGAN PSIKOSOSIAL DIBAWAH INISIATIF PEMULIH | 20 SEPTEMBER 2023

Program anjuran Perpustakaan Sultan Badlishahd dengan kerjasama Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA) merupakan satu program terapi dengan menggunakan kaedah BIBLIOTERAPI (Terapi Buku) yang telah berlangsung pada 20 Sept 2023 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah dan Dewan Sarjana 2, UiTM Cawangan Kedah.









## PROGRAM HARI SIHAT UITM CAWANGAN KEDAH: BRISKWALK | 4 OKTOBER 2023

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishahd telah menjadi penganjur dengan kerjasama Unit Sukan UiTM Cawangan Kedah melaksanakan satu program kesihatan sempena Hari Sihat UiTM dengan aktiviti *briskwalk* yang telah berlangsung pada 4 Oktober 2023 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah dan sekitar kampus UiTM Cawangan Kedah










## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT BERSAMA SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN MOHAMAD JIWA | 11 DISEMBER 2023

Program Khidmat Masyarakat bersama Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa anjuran bersama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan Kumpulan Pelajar KIM1105A, Fakulti Pengurusan Maklumat yang telah berlangsung pada 11 Dis 2023 bertempat di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa.

Pada program ini pihak perpustakaan telah melaksanakan program literasi maklumat dan bengkel Speed Reading (Bacaan Pantas) kepada para peserta yang terlibat. Para pelajar didedahkan dengan Teknik pencarian maklumat yang telah disampaikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Badlishah manakala bagi Bengkel Speed Reading pula telah disampaikan oleh Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir serta dibantu oleh kakitangan perpustakaan yang telah sama-sama berkongsi tentang teknik asas pembacaan pantas.


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Program Khidmat Masyarakat
bersama Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa
11 Dis 2023
Sekolah Menengah Sains Mohamad Jiwa
Sungai Petani, Kedah


Like and follow us


Like and follow us


Speed Reading
Programme
Like and follow us


Like and follow us


Like and follow us


Like and follow us


Like and follow us


Like and follow us


DEWAN TERBUKA
Like and follow us



# PROGRAM UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

## PROGRAM WEBINAR LIVE@PTAR : WASPADA SCAMMER LHDN | 20 MAC 2023

Program Live@PTAR ini telah berlangsung dari Ruang Community Engagement, Perpustakaan Sultan Badlishah bersama panel jemputan yang merupakan Pegawai Pendidikan Cukai LHDN Kedah, Puan Natasha Adnan. Program telah bersiaran secara langsung melalui saluran YouTube dan Facebook rasmi Perpustakaan Sultan Badlishah. Objektif program ini adalah bagi memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat. Kaunter LHDN secara fizikal turut dibuka di Sudut IT, Perpustakaan Sultan Badlishah bagi warga UiTM Cawangan Kedah yang ingin membuat pengesahan, semakan atau sebarang pertanyaan yang berkaitan.






## PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT | 18 MEI 2023

Jom Baca Bersama 10 Minit adalah satu program yang dijalankan pada setiap tahun dimana pembacaan akan dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia selama 10 minit. Ini adalah salah satu usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia













## PROGRAM MOBILE LIBRARY

Objektif program Mobile Library ini adalah untuk menggalakkan budaya membaca dikalangan warga kampus UiTM Cawangan Kedah. Pihak perpustakaan telah melaksanakan aktiviti ini secara berkala dilokasi-lokasi yang sesuai di sekitar kampus UiTM Cawangan Kedah. Program ini telah memudahkan warga untuk membuat pinjaman bahan-bahan bacaan disamping perkhidmatan-perkhidmatan lain yang turut disediakan. Diantara perkhidmatan yang disediakan adalah semakan denda perpustakaan, bantuan rujukan dan promosi aplikasi PTAR Apps. Sepanjang tahun 2023, pihak perpustakaan telah berjaya melaksanakan 4 siri program Mobile Library yang dilaksanakan di sekitar kawasan kampus UiTM Cawangan Kedah.












## BENGKEL BACAAN PANTAS (SPEED READING)

Sepanjang 2023, pihak perpustakaan telah berjaya melaksanakan 12 siri Bengkel Speed Reading yang melibatkan kakitangan serta pelajar UiTM Cawangan Kedah. Bengkel ini dilaksanakan oleh tenaga pengajar yang terdiri dari kalangan kakitangan Perpustakaan Sultan Badlishah. Tujuan utama pelaksanaan bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada teknik asas bacaan pantas.
























## PROGRAM 1 STAF 1 BUKU & RESENSI@PSB 2023

Pihak perpustakaan telah melaksanakan Program 1 Staf 1 Buku dan Program Resensi@PSB sebagai satu aktiviti galakan membaca di kalangan kakitangan perpustakaan. Melalui program ini semua kakitangan diminta membuat pembacaan terhadap bahan bacaan pilihan dan seterusnya berkongsi hasil bacaan tersebut serta berkongsi pandangan dan maklumat.





















### PROGRAM PENULISAN KREATIF READ@UiTM

Sebagai satu usaha galakan membaca, pihak perpustakaan turut menjalankan beberapa pertandingan penulisan kreatif yang dibuka kepada seluruh warga UiTM Cawangan Kedah. Melalui program ini diharap dapat mengalakkan budaya membaca dan penghasilan penulisan kreatif dikalangan warga.






## PROGRAM LAWATAN PENANDAARASAN DARI DALAM NEGARA

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishah telah menerima lawatan penandaarasan dari pelbagai pihak sepanjang tahun 2023. Selain bertujuan untuk melihat amalan kerja terbaik yang dilaksanakan di perpustakaan, lawatan ini juga memberi ruang untuk perbincangan kerjasama antara perpustakaan.

Lawatan penandaarasan sepanjang tahun 2023 melibatkan:

1. **Majlis Daerah Kerian, Parit Buntar, Perak - 16 Mac 2023**
2. **Institut Kemahiran Mara Sik, Kedah - 14 Mac 2023**
3. **Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang - 13 Julai 2023**







## PROGRAM LAWATAN PENANDAARASAN DARI LUAR NEGARA

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishah turut menerima lawatan penandaarasan dari luar negara sepanjang tahun 2023. Selain bertujuan untuk melihat amalan kerja terbaik yang dilaksanakan di perpustakaan, lawatan ini juga memberi ruang untuk perbincangan kerjasama antara perpustakaan.

Lawatan penandaarasan dari luar negara sepanjang tahun 2023 melibatkan:

1. **Universitas Airlangga dan Universitas Brawijaya, Indonesia - 22 Mei 2023**
2. **Institut Teknologi dan Bisnis Asia, Malang, Indonesia - 24 Mei 2023**













## PROGRAM LAWATAN SEKOLAH

Sepanjang tahun 2023, pihak Perpustakaan Sultan turut menerima sesi lawatan dari sekolah-sekolah yang berminat untuk melihat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Lawatan ini dibuat bagi mendedahkan pelajar-pelajar yang terlibat dengan suasana perpustakaan diuniversiti awam sebagai satu dorongan untuk mereka.

Diantara sekolah-sekolah yang membuat lawatan ke Perpustakaan Sultan Badlishah sepanjang tahun 2023:

1. **Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Bonglai, Jitra, Kedah**
2. **Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Mohamed Al-Bukhary, Alor Setar, Kedah**
3. **Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Sofiah, Alor Setar, Kedah**
4. **Sekolah Menengah Kebangsaan Jerai, Kupang, Kedah**
5. **Sekolah Menengah Kebangsaan Air Merah, Kulim, Kedah**















# PROGRAM UNIT SOKONGAN PENYELIDIKAN DAN RUJUKAN

Unit Sokongan Penyelidikan dan Rujukan mempunyai fungsi dalam melaksanakan beberapa program serta tugasan bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mempunyai kekuatan seramai empat orang iaitu seorang professional manakala tiga lagi adalah staf sokongan. Fungsi unit terbahagi kepada tiga iaitu pendidikan pengguna, penyelidikan serta rujukan.

## AKTIVITI UNIT SOKONGAN PENYELIDIKAN DAN RUJUKAN

- PROGRAM LITERASI MAKLUMAT
- KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT
- PROGRAM OUTREACH
- SEMAKAN DAN KEMASKINI PROFIL PENYELIDIK UITM CAW. KEDAH
- KOLABORASI PENGAJARAN & PENYELIDIKAN
- SEMAKAN & PENGESAHAN DATA PENERBITAN PRIME PENSYARAH
- MENGURUS JURNAL TERBITAN UITM CAW. KEDAH
- KONSULTASI

## PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

- Kelas Kemahiran Maklumat
- Information Lieracy Program (Semester 1)
- Newbie: We Reach You Outereach
- Konsultasi

| PETUNJUK QUARTER | PERATUS PENCAPAIAN |
|---|---|
| QUARTER 1 | 0.00 % |
| QUARTER 2 | 24.06 % |
| QUARTER 3 | 24.06 % |
| QUARTER 4 | 72.19 % |

**PENCAPAIAN 2023**
**72.19 %**





KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT (KKM)


INFO.LITERACY PROGRAME


PROGRAM BERSAMA STAF BAHARU


MINGGU DESTINI PELAJAR 2023

### MINGGU DESTINI PELAJAR | 16 MAC 2023

16 Mac 2023 bertempat di Dewan Perdana, UiTM Caw. Kedah, Perpustakaan Sultan Badlishah telah mengadakan taklimat kepada pelajar baharu yang melibatkan pelajar baharu seramai 568 orang pada sesi Minggu Destini Pelajar (MDS). Taklimat ini bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang tersedia serta memberi pendedahan berkaitan peranan perpustakaan terhadap perkembangan akademik pelajar.






### PROGRAM *WELCOME TO NEWBIE : WE ARE HERE FOR YOU"* | 13 MAC 2023

Program ini dijalankan pada 13 Mac 2023 dan telah melibatkan staf baharu dan diadakan adalah bertujuan memberi pendedahan dan maklumat kepada seluruh warga UiTM Cawangan Kedah berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan serta peranan dalam menyokong aktiviti pembudayaan ilmu di UiTM Cawangan Kedah. PSB juga memberi penerangan berkenaan kemudahan serta perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Sultan Badlishah, memberi tunjuk ajar berkenaan kaedah pencarian bahan perpustakaan dan maklumat melalui portal perpustakaan, koleksi digital perpustakaan dan pangkalan data atas talian serta bagi memastikan semua staf dapat mengakses maklumat melalui perpustakaan digital menggunakan ID masing-masing. Kehadiran staf baharu adalah seramai 26 orang dan melibatkan empat orang staf wakil PSB.





## PROGRAM CAKNA MAKLUMAT BERSAMA PUSTAKAWAN: ONLINE DATABASE@UITM

## | 14 JUN 2023

Satu penganjuran Persatuan *Bachelor of Library Science* (BLIBS), Fakulti Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan satu program Cakna Maklumat bersama pelajar-pelajar yang terpilih. Penceramah yang dijemput adalah Puan Noor Azlin Binti Abdullah (Pustakawan Kanan) Unit Sokongan Penyelidikan & Rujukan. Program ini telah melibatkan ahli persatuan tersebut seramai 36 pelajar secara atas talian (Google Meet).






## PROGRAM KOLABORASI

Kolaborasi akademik bersama pihak editor jurnal berimpak terbitan UiTM Cawangan Kedah telah dijalankan sebagai fungsi sokongan penyelidikan terhadap sumbangan MyCite dan data di MyJurnal.

**16 Mac 2023 - BERSAMA EDITOR JURNAL BERIMPAK - Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)**

**21 Mei 2023 - BERSAMA EDITOR JURNAL BERIMPAK - Voice of Academia (VOA)**












### KLINIK FRGS ANJURAN RMU UITM CAWANGAN KEDAH | 19 JANUARI 2023

Klinik FRGS anjuran RMU UiTM Cawangan Kedah turut melibatkan Pustakawan Kanan PSB dalam bengkel penulisan akademik yang diadakan di Bilik Seminar Kaunseling UiTM Cawangan Kedah pada 18 -19 Januari 2023.






### BENGKEL 'RETREAT TO PUBLISH: EMPOWER ACADEMIC WRITERS' | 13 SEPTEMBER 2023

Research Management Unit (RMU) , UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan Bengkel 'Retreat To Publish: Empower Academic Writers' yang berlangsung pada 12 & 13 September 2023 bertempat di Dewan Sri Jerai, UiTM Cawangan Kedah. Program ini melibatkan sebahagian pensyarah UiTM Cawangan Kedah. Puan Noor Azlin Binti Abdullah mewakili Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah terlibat sama sebagai salah seorang penceramah jemputan. Tajuk yang telah disampaikan ialah 'Guide for Authors: PRIMe (Publication) and H Index'. Kehadiran pensyarah adalah seramai 89 orang.






### KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT REKTOR,TIMB. REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK, TIMB. REKTOR HAL EHWAL PELAJAR DAN *RESEARCH MANAGEMENT UNIT* (RMU)

Unit Sokongan Penyelidikan Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) yang ketuai oleh Puan Noor Azlin Binti Abdullah Pustakawan Kanan bersama staf Unit Penyelidikan dan Rujukan mewakili perpustakaan telah mengadakan kunjungan hormat pada tarikh seperti berikut :

- ❑ Rektor UiTM Cawangan Kedah - 30 Mac 2023
- ❑ Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik - 12 Mac 2023
- ❑ Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar - 07 Mac 2023
- ❑ Research Management Unit (RMU) - 29 Mac 2023













## COLLABORATIVE TEACHING

| TAJUK | TARIKH | FAKULTI |
|---|---|---|
| Collaborative Teaching – IMD236: Introduction to Reference Servicesand Bibliometric Services in Information Agency | 2 Mei 2023 | FPP |
| Collaborative Teaching – Quantitative Research Methods | 13 Jun 2023 | FPP |
| Exchange Database Skills: SCOPUS, Web of Science &JCR | 21 Jun 2023 | FPIM |
| Exchange Database Skills: SCOPUS, Web of Science &JCR | 11 Julai 2023 | FPIM |






## LIBRARY OUTREACH PROGRAM | 16 Januari 2023

Pada 16 Januari 2023, Unit Penyelidikan Perpustakaan Sultan Badlishah, telah mengadakan Outreach ke bahagian Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) UiTM Cawangan Kedah.






## PROGRAM PERPINDAHAN MAKLUMAT KE SEKOLAH

Telah berlangsung di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa pada 11 Disember 2023.






## SEMAKAN PROFIL PENYELIDIK DAN VERIFIKASI PRIME UiTM CAWANGAN KEDAH

Sistem pengurusan penerbitan PTAR, pihak Perpustakaan Sultan Badlishah telah berjaya kemaskini 100% maklumat profil penyelidik bagi tahun 2023.

Cawangan : Kedah Search

Show 10 entries Search:

| # | Fakulti | Jumlah Kakitangan Akademik | Google Scholar | Scopus | WOS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | UITM KAMPUS SUNGAI PETANI | 322 | Ada: 192<br>Tiada: 130<br>Pending: 0<br>(59.63%) | Ada: 129<br>Tiada: 193<br>Pending: 0<br>(40.06%) | Ada: 114<br>Tiada: 208<br>(35.40%) |

Showing 1 to 1 of 1 entries Previous 1 Next

Verifikasi PRIME mempunyai rekod sebanyak 529 dan perlu diverifikasi oleh pihak perpustakaan. Unit Penyelidikan telah membuat semakan tanpa *pending* sebanyak

529 keseluruhan yang didaftarkan oleh Pensyarah UiTM Cawangan Kedah bagi tahun 2023.

| Verified | Return For Correction | Not Verified | Total |
|---|---|---|---|
| 469 | 52 | 8 | 529 |

## KEMASUKAN SERTA KEMASIKINI DATA PENERBITAN JURNAL KE SISTEM MYJURNAL UNTUK TUJUAN AUDIT MYCITE SERTA PENYEDIAAN DATA LENGKAP PENERBITAN.

(Jurnal VOA dan Jurnal CPLT)

Unit Sokongan Penyelidikan telah dipertanggungjawabkan untuk **memuatnaik semua artikel dari jurnal yang telah diterbitkan oleh UiTM Cawangan Kedah. Jurnal-jurnal tersebut ialah Journal Voice of Academia (VOA) dan Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT).**

**Kesemua artikel tersebut telah berjaya 100% dimuatnaikkan ke dalam MyJurnal**

| BIL. | NAMA JURNAL | VOLUME | JUMLAH ARTIKEL |
|---|---|---|---|
| 1. | Journal Voice of Academia (VOA) | Volume 19, Issue 1 | 20 |
| 2. | Journal Voice of Academia (VOA) | Volume 19, Issue 2 | 20 |
| 3. | Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT) | Volume 11, Number 1, May 2023 | 11 |
| 4. | Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT) | Volume 11, Number 2, November 2023 | 16 |

**PERKHIDMATAN SELECTIVE DISSEMINATION INFORMATION (SDI) KEPADA REKTOR DAN TIMBALAN-TIMBALAN REKTOR**

| TAJUK | BIDANG | REKTOR/ TIMB.REKTOR |
|---|---|---|
| Counter-Governance: Citizen Participation Beyond Collaboration | Governance | REKTOR |
| From Government To Governance... To Meta-Governance: A Systematic Literature Review | Governance | REKTOR |
| National Corporate Governance Codes And IT Governance Transparency In Annual Reports | Governance | REKTOR |
| Reflections On Putting AI Ethics Into Practice: How Three AI Ethics Approaches Conceptualize Theory And Practice | Governance | REKTOR |
| Transformative Environmental Governance | Governance | REKTOR |
| Governance Without A State: Can It Work? | Governance | REKTOR |
| Entrepreneurial Finance, Agency Problems And Islamic Ethics: Complementarities And Constraints | Islamic Finance | TREK HEA |
| Finance-Growth Nexus: Islamic Finance Development In Indonesia | Islamic Finance | TREK HEA |
| Influential And Intellectual Structure Of Islamic Finance: A Bibliometric Review | Islamic Finance | TREK HEA |
| Islamic Finance And Economic Growth: The Malaysian Experience | Islamic Finance | TREK HEA |
| Financing Education Using Optimal Redistributive Taxation | Tax Education | TREK HEA |
| Islamic Finance Merging Public Finance Within Public-Private Partnership | Islamic Finance | TREK HEA |
| Publishing Islamic Economics And Finance Research: Polemics, Perceptions And Prospects | Islamic Finance | TREK HEA |
| Whose Legitimacy? Islamic Finance And The Global Financial Order | Islamic Finance | TREK HEA |

| | | |
|---|---|---|
| Effect Of Interest Rate On Economic. Performance: Evidence From Islamic And Non-Islamic Economies | Islamic Finance | TREK HEA |
| Impact Of Islamic Banking Development And Major Macroeconomic Variables On Economic Growth For Islamic Countries: Evidence From Panel Smooth Transition Models | Islamic Finance | TREK HEA |
| Tax Evasion Risk Management Using A Hybrid Unsupervised Outlier Detection Method | Tax Fraud | TREK HEP |
| The Influence Of Revenge And Financial Rewards On Tax Fraud Reporting Intentions | Tax Fraud | TREK HEP |
| To Punish Or Not To Punish? The Impact Of Tax Fraud Punishment On Observers' Tax Compliance | Tax Compliance | TREK HEP |
| Alternative Tax Constitutions And Risky Education In A Federation | Tax Education | TREK HEP |
| Education And Tax Morale | Tax Education | TREK HEP |
| Re-Evaluating Environmental Tax: An Intergenerational Perspective On Health, Education And Retirement | Tax Education | TREK HEP |
| The Knowledge Tax | Tax Education | TREK HEP |
| Application Of Exergy For The Determination Of The Pro-Ecological Tax Replacing The Actual Personal Taxes | Tax Invention | TREK HEP |
| State Higher Education Spending And The Tax Revolt | Tax Education | TREK HEP |
| An Income Tax Increase To Fund Higher Education: A Cge Analysis For Chile | Tax Education | TREK HEP |
| Effects Of Public Education And Social Security On Fertility | Tax Education | TREK HEP |
| Should There Be Lower Taxes On Patent Income? | Tax Invention | TREK HEP |
| Austerity And Tax Compliance | Tax Compliance | TREK HEP |

| | | |
|---|---|---|
| Tax Compliance Inventory TAX-I: Designing An Inventory For Surveys Of Tax Compliance | Tax Compliance | TREK HEP |
| Introducing Changes At Work: How Voice Behavior Relates To Management Innovation | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| Exchanging Knowledge In The TMT To Realize More Innovation Opportunities: What Can Family Firms Do? | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| How Organizational Readiness For Digital Innovation Shapes Digital Business Model Innovation In Family Businesses | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| Management Innovation And Leadership: The Moderating Role Of Organizational Size | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| Organizational Climate For Innovation And Organizational Performance: The Mediating Effect Of Innovative Work Behavior | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| The Influence Of Support For Innovation On Organizational Innovation: Taking Organizational Learning As A Mediator | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| A Study On The Effect Of Change Management On Organizational Innovation: Focusing On The Mediating Effect Of Members' Innovative Behavior | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |
| Relations Between Transformational Leadership, Organizational Learning, Knowledge Management, Organizational Innovation, And Organizational Performance: An Empirical Investigation Of Manufacturing Firms | Innovation Management And Organizational Behavior | TREK PJI |

# PROGRAM UNIT PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB



## KURSUS PENGURUSAN DOKUMEN TERPERINGKAT | 24 OKTOBER 2023

Kursus Pengurusan Dokumen Terperingkat ini telah melibatkan semua Pegawai Pengelas dan Pendaftar Rahsia yang telah dilantik. Turut hadir adalah Ketua-Ketua Bahagian/Unit. Tujuan kursus ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan mengenai pentingnya pengurusan keselamatan dokumen kerajaan dalam Jabatan dan memberi kefahaman tentang tatacara pengurusan dokumen rahsia rasmi bermula dari pewujudan, penyenggaraan sehingga pelupusan. Penceramah kursus adalah Puan Azniza Hj Mohammad Nor Penolong Pendaftar Kanan dan dibantu fasilitator iaitu Puan Nor Hafizah Ismail. Kedua-duanya merupakan jemputan daripada Jabatan Arkib Universiti.






## SESI PERKONGSIAN PERKHIDMATAN PENJILIDAN UAC KEDAH – UAC PERMATANG PAUH | 13 JULAI 2023

Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) UiTM Cawangan Kedah telah menerima kunjungan lawatan daripada PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang. Seramai tiga (3) orang staf PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah hadir iaitu Puan Farleen Azrina Zamberi (Pustakawan Kanan), Encik Mohd Roslan Rosli (Pembantu Pemuliharaan Kanan) dan Encik Muhammad Bukharie Hamzah (Pembantu Pemuliharaan).

Sesi ini bertujuan berkongsi mengenai perkhidmatan penjilidan yang dilaksanakan terutamanya aspek perkhidmatan penjanaan penjilidan di Kampus UITM Cawangan Kedah.





## KURSUS PENGURUSAN REKOD PEGAWAI REKOD JABATAN | 30-31 MEI 2023

Bengkel ini telah melibatkan semua lantikan Pegawai Rekod Jabatan daripada 25 PTJ di kampus UiTM Cawangan Kedah.

**Objektif:**

- ❖ Melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia
- ❖ Mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia






## LAWATAN AUDIT PENGURUSAN REKOD | 25 OKTOBER 2023

Lawatan Audit Pengurusan Rekod telah melibatkan 2 iaitu Bahagian Pejabat Bendahari dan Bahagian Perpustakaan.

**Juruaudit:**

1. **Puan Azniza Haji Mohamad Nor** - Penolong Pendaftar Kanan JAU
2. **Puan Nor Hafizah Ismail** - Pembantu Arkib Kanan JAU

Melalui sesi pengauditan yang telah dilaksanakan, masih terdapat beberapa perkara mengenai pengurusan rekod yang perlu diberi perhatian dan ditambah baik terutamanya aspek pengurusan dokumen terperingkat. Semoga teguran dan penemuan-penemuan berkenaan akan membantu PTJ lebih bersedia dalam menguruskan rekod secara berkesan.





# AKTIVITIT KONSULTASI & RUJUKAN



**08 FEBRUARI 2023**
PEJABAT BENDAHARI



**21 FEBRUARI 2023**
PEJABAT BENDAHARI



**13 JUN 2023**
PSB



**14 JUN 2023**
PSB



**22 MAC 2023**
UNIT SUKAN



**14 JUN 2023**
PEJABAT POLIS BANTUAN



**21 NOVEMBER 2023**
LOBI PENTADBIRAN



**22 JUN 2023**
DEWAN SERI JERAI

Sempena berlangsungnya Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM 2023, pihak Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah telah mengambil bahagian di dalam Seminar Amalan Terbaik Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Universiti dengan membentangkan penghasilan alat inovasi **Stand Snapshot.**







Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah telah menguruskan pelantikan pengurus rekod UiTM yang terdiri daripada:-

- **Pegawai Pengelas (PP)**
- **Pendaftar Rahsia (PR)**
- **Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)**
- **Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ).**

| STATISTIK PENGURUS REKOD UITM CAWANGAN KEDAH | | | |
|---|---|---|---|
| PEGAWAI PENGELAS (PP) | PENDAFTAR RAHSIA (PR) | PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) | PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ) |
| 7 | 15 | 18 | 22 |

## TASK FORCE PROJEK MELENGKAPKAN FIZIKAL BAHAN – STOCK TAKE





Projek Stock Take di bawah seliaan Unit Pengurusan Koleksi PSB telah bermula pada Ogos 2023 dan melibatkan keseluruhan koleksi bahan bacaan perpustakaan.

Bagi mempercepatkan proses melengkapkan fizikal bahan-bahan stock take, satu task force telah dilaksanakan. Task force ini melibatkan keseluruhan staf PSB untuk melengkapkan fizikal bahan stock take yang perlu diambil tindakan.

Task force ini perlu dilaksanakan kerana mengambil kira keperluan pengguna untuk merujuk bahan-bahan stock take yang telah dikeluarkan daripada rak.

| STATISTIK FIZIKAL BAHAN PSB TAHUN 2023 | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| *Email Address* | Sunday | Monday | Tuesday | Wednesday | Thursday | Grand Total |
| ameer624@uitm.edu.my | 30 | 136 | 120 | 169 | 80 | 535 |
| amin513@uitm.edu.my | 60 | 231 | 170 | 200 | 30 | 691 |
| atirah649@uitm.edu.my | 80 | 70 | 110 | | | 260 |
| azlinaesoff@uitm.edu.my | 181 | 50 | 50 | 60 | 111 | 452 |
| azrul393@uitm.edu.my | 76 | 60 | 80 | 91 | 100 | 407 |
| faizul487@uitm.edu.my | 150 | 166 | 90 | 60 | 140 | 606 |
| hamidah959@uitm.edu.my | 90 | 120 | 110 | 180 | 40 | 540 |
| hasri789@uitm.edu.my | 67 | 40 | 57 | 99 | 49 | 312 |
| matasri@uitm.edu.my | 70 | 30 | 60 | 150 | 120 | 430 |
| mazuriah141@uitm.edu.my | 150 | 10 | 100 | 150 | 130 | 540 |
| muzammil490@uitm.edu.my | 40 | 70 | 70 | 80 | 60 | 320 |
| nazlina362@uitm.edu.my | 188 | 90 | 61 | | 80 | 419 |
| noris196@uitm.edu.my | 20 | 30 | 30 | | 30 | 110 |
| omar6379@uitm.edu.my | 19 | 11 | | | | 30 |
| rosdi427@uitm.edu.my | 514 | 190 | 300 | 289 | 120 | 1413 |
| rostam@uitm.edu.my | 159 | 20 | 80 | 70 | 10 | 339 |
| rozaini369@uitm.edu.my | 101 | 282 | 179 | 191 | 190 | 943 |
| shazmie@uitm.edu.my | 80 | 90 | 92 | 110 | 150 | 522 |
| zack@uitm.edu.my | 26 | 50 | 30 | 30 | 30 | 166 |
| Grand Total | 2101 | 1746 | 1789 | 1929 | 1470 | 9035 |

Data pencapaian melengkapkan fizikal bahan stock take

## PENJANAAN PENJILIDAN 2023

Selaras dengan Pekeliling Ketua Pustakawan Bil.1/2023 – Kadar Caj Bayaran Perkhidmatan Penjilidan PUiTM yang telah berkuatkuasa pada 7 Mac 2023, UAC UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan penjanaan penjilidan. Jumlah penjanaan penjilidan adalah sebanyak RM 356.80






# PROGRAM LATIHAN PERPUSTAKAAN



Pihak perpustakaan turut berjaya melaksanakan beberapa siri latihan yang melibatkan kakitangan perpustakaan dalam usaha memantapkan penyampaian perkhidmatan dan membina kemahiran baharu di kalangan kakitangan. Ini bagi memastikan tahap kompetensi kakitangan perpustakaan sentiasa berada di tahap yang terbaik.

### KURSUS ASAS OBS STUDIO DAN LIVE STREAMING| 14 OGOS 2023











### TAKLIMAT & TATACARA PELAKSANAAN PROJEK STOCK TAKE PSB | 16 OGOS 2023










Universiti Teknologi MARA | Perpustakaan Sultan Badlishah, *Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani*

# LAPORAN TAHUNAN

## PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

# 2023